

SIARAN MEDIA

11 FEBRUARI 2017

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PUSAT SEHENTI MAKLUMAT KESELAMATAN INTERNET: MYCYBER KOMUNITI@SABAH DILANCARKAN DI BAWAH MSI

TAMPARULI, SABAH (11 Februari 2017) – Pusat MyCyber Komuniti@Sabah bakal menjadi Pusat sehenti bagi penyebaran ilmu dan maklumat mengenai penggunaan komputer dan internet secara positif di samping merapatkan jurang digital di antara penduduk. Ia dibangunkan di bawah pembiayaan dana Program Inovasi Sosial MOSTI atau *MOSTI Social Innovation Program (MSI)*

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, “Pusat ini dibina bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat agar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT). Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam memperkasa pembangunan digital luar bandar agar rakyat dapat menikmati kemudahan prasarana digital selari dengan perkembangan arus teknologi masa kini serta berupaya merapatkan jurang digital.”

“Selain agensi atau jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pusat ini juga boleh digunakan oleh agensi serta jabatan termasuk lain-lain Kementerian bagi penganjuran pelbagai program serta aktiviti berkaitan ICT dan keselamatan siber termasuk penggunaan internet secara positif dan beretika, khususnya yang melibatkan masyarakat di daerah Tamparuli.” Katanya lagi semasa merasmikan Pusat MyCyber Komuniti@Sabah di sini, hari ini.

Pusat MyCyber Komuniti dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber negara dengan kerjasama Koperasi Tokou Sabah Berhad. Ia dilengkapi prasarana kemudahan ICT dan dilengkapi dengan peralatan seperti kemudahan komputer serta akses Internet, percetakan digital dan mesin pengimbas. Prasarana ICT yang terdapat



Securing Our Cyberspace



2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 4656



MS ISO/IEC 17025
TESTING &
SAMPLING 456
(MySEF LABORATORY)

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

di pusat ini akan memudahkan masyarakat melakukan perbankan dalam talian (*online banking*) serta transaksi dalam talian (*online transaction*) seperti pembelian dalam talian, pembayaran bil serta utiliti. Operasi Pusat MyCyber@Komuniti ini dikendalikan sepenuhnya oleh Koperasi Tokou Sabah Berhad.

Sementara itu, menurut Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengurus Ahli Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia “ICT mampu memberi impak yang besar kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Penubuhan pusat ini dapat merealisasi matlamat kami dalam memperkasa bidang keselamatan siber terutamanya kepada penduduk daerah Tamparuli.”

Ujar beliau lagi, “Pelbagai pengisian akan dilaksanakan bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber secara berterusan melalui aktiviti serta program seperti pembangunan laman sesawang, program latihan berkaitan keselamatan siber seperti CyberSAFE, perkhidmatan MyCyberSecurity Clinic seperti perkhidmatan pemulihian data dan sanitasi data, khidmat nasihat (kaunseling) mengenai keselamatan siber, pengurusan data serta pelaporan insiden keselamatan siber serta pusat rujukan masyarakat setempat bagi hal ehwal berkaitan teknologi, komputer dan Internet.”

Encik Felix Joseph Saang, Pengurus Koperasi Tokou Sabah Berhad berkata, “Koperasi berterima kasih di atas keyakinan dan kepercayaan yang diberi oleh MOSTI dan CyberSecurity Malaysia untuk kami mengendalikan Pusat MyCyber Komuniti yang pertama dibangunkan di negeri Sabah. Saya percaya Pusat ini akan member banyak manfaat serta kebaikan kepada penduduk luar bandar agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan digital dan perkembangan dunia siber masa kini.”

Sempena perasmian Pusat MyCyber Komuniti@Sabah, beberapa program berkaitan keselamatan siber turut diadakan, antaranya CyberSAFE Quest yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di sekitar daerah Tamparuli dan ceramah CyberParenting yang melibatkan ibubapa dari komuniti setempat.

Pada majlis yang sama satu program yang dikenali sebagai *Human Impact Management Information System on Information Security* (HIMIS) turut dirasmikan. Ia merupakan satu projek berbentuk kajian bagi menilai dan mengurus tahap kesedaran keselamatan maklumat

dalam kalangan kakitangan awam di Malaysia selain dapat mengurangkan risiko menjadi mangsa ancaman dan jenayah siber.

Hadir sama pada majlis perasmian tersebut adalah YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi , YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta YBhg. Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia dan.

~ Tamat~

Mengenai CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar dan teknikal keselamatan siber Nasional di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab memantau aspek e-Keselamatan Nasional serta mengenal pasti secara berterusan bidang-bidang yang boleh membahayakan keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat, di samping memberi latihan dan bantuan teknikal dalam pengurusan krisis siber negara.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).